

# Povigram (Povidone Iodine Solution BP 10% w/v)

Povidone Iodine (10% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan POVIGRAM
2. Bagaimana POVIGRAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan POVIGRAM
4. Cara menggunakan POVIGRAM
5. Semasa menggunakan POVIGRAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan POVIGRAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

**Apakah kegunaan POVIGRAM** Ia digunakan sebagai disinfektan dan antiseptik untuk rawatan luka, terhiris dan luka terbakar yang terkontaminasi dan juga untuk persediaan pada kulit dan membran mukus sebelum pembedahan.

**Bagaimana POVIGRAM berfungsi** POVIGRAM mengandungi povidone iodine yang merupakan antiseptik dengan spektrum yang luas untuk aplikasi topikal dalam rawatan dan pencegahan jangkitan luka.

## Sebelum menggunakan POVIGRAM

### -Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak sepatutnya digunakan jika anda: Mengalami hipersensitif kepada iodin, polyvinylpyrrolidone atau komponen lain dalam formulasi ini. Mempunyai sejarah tiroid yang tidak berfungsi dengan normal atau goiter (bengkak pada leher). Sedang menjalani terapi lithium (untuk kemurungan).

Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

Penggunaan ubat ini boleh mengganggu ujian fungsi tiroid. Individu yang mengalami kekurangan atau kerosakan fungsi buah pinggang perlu berhati-hati.

*Mengandung dan menyusukan anak* Berbincang dengan doktor anda sebelum mengguna ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

Iodin bebas melepasi plasenta dan dirembeskan dalam susu ibu. Oleh itu, disyorkan supaya penyusuan harus dihentikan semasa rawatan, melainkan jika tiada alternatif yang lain.

Gangguan fungsi tiroid telah dilaporkan pada kanak-kanak yang ibunya terdedah kepada dos farmakologikal iodin. Povidone Iodine tidak boleh digunakan selalu semasa kehamilan melainkan tiada rawatan alternatif yang tersedia.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengguna ubat ini, termasuk ubat-ubatan yang anda perolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

- Lithium boleh berinteraksi dengan Povigram untuk menjejaskan fungsi kelenjar tiroid. Oleh itu, penggunaan secara serentak harus dielakkan.
- Penyerapan iodine melalui kulit atau kulit yang pecah boleh mengganggu ujian fungsi tiroid.
- Pencemaran povidone iodine terhadap beberapa jenis ujian untuk mengesan darah dalam najis atau darah dalam air kencing boleh menghasilkan keputusan positif yang salah.

## Cara menggunakan POVIGRAM

### -Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa gunakan POVIGRAM seperti yang disyorkan.

### Dos biasa

Untuk digunakan tanpa dicairkan. Sapukan terus ke kulit. Biarkan sehingga kering sebelum meletakkan kain, fabrik atau acuan.

### Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh

doktor atau ahli farmasi.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan POVIGRAM seperti doktor anda syorkan. Sekiranya gejala berterusan, berjumpa dengan doktor anda.

### Jika anda terlupa guna

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

### Jika anda menggunakan terlalu banyak (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengguna terlalu banyak atau terambil/tertelan ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengguna terlalu banyak Povigram mungkin menyebabkan:

- goiter (bengkak pada leher) dan tiroid yang tidak aktif atau tiroid yang terlalu aktif.
- Rasa logam di dalam mulut
- peningkatan air liur
- terbakar atau sakit di tekak atau mulut
- kerengsaan dan pembengkakan mata
- pengumpulan cecair di dalam paru-paru
- tindak balas kulit
- kesakitan gastrousus dan cirit-birit
- asidosis metabolik
- Tahap tinggi natrium dalam darah dan gangguan buah pinggang.
- Pengambilan yang disengajakan atau tidak disengajakan dengan jumlah besar povidone iodine akan mengakibatkan kadar iodine yang tinggi di dalam darah dan keracunan gastrousus termasuk muntah-muntah dan cirit-birit.

## Semasa menggunakan POVIGRAM

### -Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang

# Povigram (Povidone Iodine Solution BP 10% w/v)

Povidone Iodine (10% w/v)

merawat anda bahawa anda sedang menggunakan POVIGRAM.

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi POVIGRAM dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luar sahaja.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, POVIGRAM boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan beriku:

- Kerengsaan, kulit terbakar dan tindak balas sensitiviti.
- tindak balas hipersensitif.
- kekurangan iodine dan tiroid yang kurang aktif atau tiroid yang terlalu aktif.
- asidosis metabolik dan kegagalan buah pinggang akut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

## **Cara penyimpanan dan pelupusan POVIGRAM**

### -Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C & Lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Larutan berwarna coklat gelap; bau; ciri iodine

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Povidone Iodine

- Bahan-bahan tidak aktif  
Glycerol BP, Potassium Iodate, Nonoxinol-10, Dibasic Sodium phosphate, Anhydrous Citric acid, Purified Water.

### -Nombor MAL

MALxxxx

## **Pengilang**

ICPA Health Products Ltd.  
286/287/288, GIDC,  
Ankleshwar, Gujarat 393 002  
India.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Perniagaan Normahas Sdn Bhd  
1-5-10, 5th Block C, Diamond  
Square (Jalan Semarak Api), Jalan  
1/50, Off Jalan Gombak, 53000  
Kuala Lumpur, Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

19/12/2025

## **Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/227